

21/12/2003

'Kami tidak sabar tawan Antartika'

Ismail Mat

KAMI tidak sabar untuk menakluk Antartika, benua paling sejuk di dunia. Kami sudah bersedia untuk mengembara sejauh 3,800 kilometer merentasi benua itu," kata tiga rakyat Malaysia yang terpilih untuk melaksanakan misi penuh mencabar tahun depan.

Ketua ekspedisi yang juga pengamal perubatan swasta, Dr M Kamaruddin Md Isa, 43; Pegawai Majlis Sukan Negara (MSN) Suhardi Alias, 36, dan Pensyarah Psikologi Sukan UiTM, Sharifah Mazlina SA Kadir, 38, tidak kecewa kerana ekspedisi mereka yang dijadualkan bermula bulan ini ditangguhkan.

Penangguhan terpaksa dilakukan pada saat akhir berikutan kegagalan penaja memenuhi janji membiayai penjelajahan itu, meskipun semua ahli ekspedisi sudah membuat persiapan terakhir termasuk membeli kelengkapan jelajah itu di Norway.

Ekspedisi merentasi Antartika yang mereka rancang merangkumi lima peringkat. Peringkat pertama membabitkan perjalanan dari Stesen Blue One ke Stesen Stroll sejauh 100 kilometer melalui Banjaran Prinsesse Kyst secara berjalan kaki dan ski yang dijangka memakan masa selama 10 hari.

Perjalanan peringkat kedua dari Stesen Troll ke Kutub Selatan merentasi Polar Plateau sejauh 1,600 kilometer. Berikutan sebahagian kawasan yang dilalui itu landai, mereka akan menggunakan peluncur angin dan ski bagi mempercepatkan pergerakan yang dijangka memakan masa selama 40 hari itu.

Bagi peringkat ketiga, mereka bergerak dengan ski dan meluncur angin dari Kutub Selatan menuju ke arah Gunung Queen Maud di Banjaran Trans Antartik sejauh 1,200 kilometer yang mengambil masa 30 hari.

Pada peringkat keempat, mereka berjalan dan menggunakan ski melalui kawasan Glasier Beardmore atau Shackleton untuk melintasi Gunung Queen Maud untuk sampai ke Ross Ice Shelf sejauh 100 kilometer yang dijangka mengambil masa 10 hari.

Peringkat akhir jelajah itu dari Ross Ice Shelf dengan berpandukan pergunungan Trans Antartik di sebelah kanan, mereka akan berski dan meluncur angin untuk melintasi Shackleton Inlet, Cape Selbourne Mulock Inlet, Minna Bluff hingga ke Scott Base dan Stesen McMurdoch yang terletak Hut Peninsula, membabitkan laluan sejauh 800 kilometer dalam tempoh 30 hari.

Dr Kamaruddin berkata, sepanjang perjalanan itu, halangan utama mereka ialah cuaca yang boleh berubah dengan pantas terutama ancaman ribut air batu yang berbahaya.

"Pertukaran cuaca mudah berlaku dan pergerakan ribut boleh dilihat. Keadaan itu menyebabkan kami terpaksa mencari perlindungan segera termasuk menggali lubang dalam air batu untuk berlindung.

"Selain itu, kaedah lain termasuk berlindung dalam khemah yang dikelilingi dengan tembok air batu. Segala-galanya perlu dilakukan dengan pantas bagi mengelak sebarang kejadian tidak diingini," katanya.

Beliau berkata, kebimbangan lain ialah ketika menyeberangi rekahan air batu yang diselaputi salji atau air batu nipis yang tidak berupaya menampung bebanan berat.

Katanya, mereka perlu menarik sledge yang membawa beban seberat 150 kilogram setiap seorang yang terdiri daripada makanan sepanjang ekspedisi serta kelengkapan telekomunikasi serta kelengkapan penyelidikan.

"Empat lapis pakaian khas yang kami pakai, yang sebahagiannya diperbuat daripada bulu angsa berupaya memerangkap haba dan dapat memberi ketahanan

kepada mereka untuk menempuh cuaca sejuk yang melampau.

"Sejak beberapa bulan lalu, kami berlatih di rumah salji di Taman Tema Genting Highlands setiap minggu, secara tidur semalaman dalam keadaan cuaca sejuk yang mencapai -20 Celsius serta berangin di situ," katanya.

Beliau berkata, berikutan keadaan Antartika yang mengalami siang sepanjang masa, tiada sebarang waktu khusus ditetapkan oleh penjelajah untuk tidur dan berehat.

Katanya, bagi memastikan ekspedisi itu berjalan lancar mengikut jadual penjelajahan, mereka akan berjalan menggunakan ski atau meluncur angin selagi menempuh cuaca yang elok.

Menurutnya, dengan berjalan kaki, mereka dijangka berupaya mencapai jarak 30 kilometer sehari, manakala pergerakan secara meluncur angin membolehkan mereka mencapai antara 50 hingga 80 kilometer sehari.

"Kami hanya boleh berehat dan tidur dalam khemah atau gua air batu yang digali ketika berlindung daripada ribut. Ini membolehkan kami memaksimumkan pergerakan sepanjang hari.

"Sebagai penjelajah, kami mahu sampai secepat mungkin di Kutub Selatan dan memacak Jalur Gemilang di sana. Sebagai umat Islam, saya juga mahu melaungkan azan di situ," katanya.

Mereka yakin, tempoh penangguhan mempunyai rahmatnya untuk mereka meneruskan latihan sambil berusaha mengumpul dana penaja bagi membuktikan ketahanan rakyat Malaysia menempuh cabaran getir di Antartika.

Penjelajahan itu memerlukan kos kira-kira RM1 juta dan sebahagian besarnya digunakan untuk membiayai logistik, termasuk pengangkutan dan kelengkapan Antartika serta kos untuk gerakan ketika kecemasan.

Dr Kamaruddin berharap lebih banyak sektor swasta tampil menyokong projek penjelajahan itu bagi mengharumkan nama negara pada peringkat antarabangsa.

Setakat ini, sektor swasta kurang memberi sokongan penajaan terhadap program yang dinaungi Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan dipengerusikan Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, itu.

Pada awal November lalu, kumpulan itu menjalani latihan termasuk meluncur angin di Norway kerana mengikut perancangan, mereka sepatutnya memulakan jelajah ke Kutub Selatan dari Chile di Amerika Selatan mulai akhir November tetapi misi itu terpaksa ditangguhkan pada saat akhir.

Penjelajahan mereka dirancang membabitkan laluan sejauh 3,800 kilometer merentasi Kutub Selatan, bermula dari Stesen Blue One pada kedudukan longitud 5E latitud 70 hingga ke Scott Base pada longitud 165E dan latitud 77 yang dijangka mengambil masa kira-kira 120 hari.

Sepanjang tempoh penjelajahan itu, mereka akan berjalan kaki ketika mendaki gunung, menggunakan ski ketika menuruni glasier serta meluncur angin secara wind sailing ketika bergerak di kawasan pamah Benua Antartika.

Benua Antartika mempunyai keluasan 14 juta kilometer persegi, kira-kira 42 kali ganda ukuran Malaysia ialah benua terpendek dan hanya ditemui oleh manusia pada awal abad ke-19.

Kira-kira 98 peratus daripada benua itu ialah air batu yang secara puratanya mencapai 2.3 kilometer dengan ketebalan tertinggi mencapai 4.7 kilometer di Wilkes Land.

Benua itu terbahagi kepada tiga bahagian iaitu Antartika Timur dengan keluasan 7.77 juta kilometer persegi) Barat (6.475 km persegi) dan Semenanjung Antartika. Banjaran Trans Antartika menjadi pemisah benua itu kepada Timur dan Barat.

Semenanjung Antartika yang pernah dilawati oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dengan menaiki kapal pemecah air batu ketika bercuti tahun lalu, terletak kira-kira 1,130 kilometer dari Benua Amerika Selatan.

Benua Antartika menjadi paling sejuk kerana kedudukannya dikelilingi lautan berbanding Benua Artik di Kutub Utara yang dikelilingi daratan. Cuaca Antartika secara puratanya -40 darjah Celsius tetapi pernah mencapai -90 darjah Celsius.

Kawasan benua itu juga menjadi benua yang paling berangin di dunia dengan purata tiupan angin pada skala 5.5 meter sesaat dan boleh meningkat kepada 24 meter sesaat. Situasi itu juga boleh berubah pada bila-bila masa.

Angin Katabatik yang berbahaya di Antartika terbentuk apabila udara yang bergerak pada permukaan air batu di dataran tinggi meningkat tahap kesejukannya, menjadi padat dan berat.

Tarikan graviti menyebabkan udara itu berpecah di tanah tinggi dan bergerak menuruni gunung ke kawasan pamah pada kelajuan tinggi dan berbahaya kerana membawa hingga 10,000 ketulan mikroskopik air batu dalam setiap satu inci.

Dr Kamarudin selaku ketua ekspedisi berkata mereka sudah membuat persiapan mental dan fizikal untuk menempuhi segala cabaran dan dugaan di benua terpencil itu untuk mencatat sejarah sebagai rakyat Malaysia pertama merentasi Antartika.

Beliau berkata, perancangan jelajah itu dibuat sejak tahun 2000 apabila mereka mula mengumpul maklumat mengenai Antartika sebagai persediaan awal dan berusaha mendapatkan sokongan Kementerian Belia dan Sukan.

"Ketika menyertai Ekspedisi Terjunan Alaf Baru 2000 di Patriot Hill, Antartika, saya bertemu dengan beberapa peserta yang pernah berjalan dari Patriot Hill ke Kutub Selatan sejauh 1,100 kilometer.

"Saya tertarik pencapaian mereka dan bertekad untuk kembali ke benua itu dan membuat catatan perjalanan yang lebih bersejarah. Sejak itu, saya dan kawan-kawan mula membuat persiapan. Latihan kami bermula sejak 2001," katanya.

Katanya, semangat mereka untuk menjayakan penjelajahan semakin meningkat dan berkobar-kobar apabila Dr Mahathir membuat cabaran terbuka mencabar rakyat negara ini merentasi Antartika ketika meraikan kejayaan Datuk Abdul Malik Maidin berenang dari Kuala Perlis ke Langkawi pada 25 Mei lalu.

Beliau berkata, jelajah merentasi Antartika hanya boleh dibuat pada musim panas dan masa yang sesuai ialah antara Oktober dan Februari bagi memudahkan mereka dihantar ke lokasi permulaan dengan penerbangan.

"Ketika ini Kutub Selatan sedang melalui musim panas iaitu masa siang selama enam bulan dengan matahari berada pada kedudukan kira-kira 10 darjah sepanjang masa.

"Sepanjang jelajah merentasi Antartika pada musim panas, kami tidak akan menempuh suasana malam kerana matahari sentiasa dapat dilihat di langit Antartika," katanya.

Sharifah Mazlina berkata, sepanjang ekspedisi itu beliau akan membuat penyelidikan mengenai kesan psikologi, emosi dan ketahanan manusia antara lelaki dan wanita, manakala Suhardi pula akan menjalankan penyelidikan mengenai metabolisme badan dalam cuaca sejuk yang melampau di Antartika.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai rancangan ekspedisi merentasi Antartika itu dengan melayari laman web, <http://antarctica.mir.com.my> atau menghubungi emel, medilink@tm.net.my